

Ramadan: Waktu bekerja penjawat awam Pahang sehingga 12.30 tengah hari setiap Jumaat

Oleh [Asrol Awang](#) - Mac 10, 2024 @ 12:37pm
bhnews@bh.com.my



Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

KUANTAN: Waktu bekerja penjawat awam negeri Pahang pada setiap Jumaat sepanjang Ramadan tahun ini ditetapkan sehingga jam 12.30 tengah hari.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata penetapan waktu bekerja itu adalah selaras dengan titah Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

"Penetapan ini turut membabitkan semua jabatan negeri, Pejabat Daerah dan Tanah, pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun negeri," katanya menerusi kenyataan, hari ini.

Sementara itu, Wan Rosdy menzahirkan ucapan menjunjung kasih kepada Al-Sultan Abdullah atas keprihatinan dan kecaknaan terhadap kesejahteraan rakyat baginda.

"Patik pacal-pacal Kerajaan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga akan terus beriltizam untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan juga Pahang demi kemakmuran bersama," katanya.